

PERANAN RAJA DAN ORANG BESAR SEBAGAI PENGHULU DALAM MENYATUPADUKAN MASYARAKAT TEMPATAN DI SELANGOR, 1895-1942

*(The Role of Raja and Orang Besar as Penghulus in Unifying the
Local Communities in Selangor, 1895-1942)*

Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria & Mohd Samsudin

ABSTRAK

Peranan raja dan orang besar sebagai penghulu dalam menyatupadukan penduduk tempatan di Selangor telah dilaksanakan ketika era kolonial British khususnya pada 1895-1942. Hal ini berlaku kerana penghulu ditugaskan untuk berbuat demikian. Namun begitu, ia kurang ditonjolkan oleh J. M. Gullick (1998, 2004 dan December 2007) dan Paul H. Kratoska (1984) menyebabkan perkara tersebut tidak diketahui. Oleh itu, artikel ini bertujuan menonjolkan pandangan baharu mengenai peranan penghulu daripada kalangan raja dan orang besar dalam menyatupadukan masyarakat tempatan di Selangor pada 1895-1942. Artikel ini akan menganalisis isu yang membolehkan penghulu berperanan dalam menyatupadukan penduduk setempat terlebih dahulu. Kemudian, mensintesis peranan mereka. Seterusnya, menilai peranan dimainkan oleh mereka sama ada berkesan atau sebaliknya. Sumber primer seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (B/SUK), Colonial Office (CO), Pejabat Daerah Klang (B/PDK), Pejabat Daerah Ulu Selangor (B/PDUS), Pejabat Daerah Ulu Langat (B/PDUL), Pejabat Daerah Sepang (B/PDS), Jabatan Arkib Negara Malaysia (P/ANM) dan sumber sekunder digunakan bagi menjawab kehendak dikemukakan. Secara keseluruhannya, golongan raja dan orang besar sebagai penghulu memainkan peranan penting dalam menyatupadukan masyarakat tempatan di Selangor yang merangkumi bangsa Melayu, Cina, India dan orang Dalam dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi. Perkara ini berlaku kerana masyarakat tempatan mematuhi dan mengikut telunjuk serta nasihat penghulu di mukim ditetapkan. Oleh itu, kerajaan memerlukan tokoh-tokoh penghulu yang bertanggungjawab dan berwibawa untuk melaksanakan tugas di peringkat akar umbi iaitu mukim agar sentiasa dalam keadaan harmoni. Sehubungan itu, artikel ini menempatkan penghulu sebagai Tokoh Penyatuan Masyarakat Peringkat Mukim dari masa ke masa.

Kata Kunci: Raja Selangor, Orang Besar Selangor, Institusi Penghulu, Pentadbiran Selangor, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

ABSTRACT

The raja and *orang besar* served as *penghulus* responsible for the unifying of the local communities in Selangor especially during the British colonial period of 1895-1942. However, this aspect of the *penghulus*' responsibility were not highlighted by previous scholars such as J. M. Gullick (1998,

2004 and December 2007) and Paul H. Kratoska (1984). This article aims to put forward a new perspective on the role of *penghulus* among raja and *orang besar* to unite the local communities in Selangor in 1895-1942. This article will analyse the issues that require *penghulus*' presence in uniting the local communities in the first place. It will also look into the synthesis of the role of *penghulu*. Finally, this article will evaluate the extent of success of *penghulus*' role. Primary sources are used to answer the research questions including Selangor Secretariat Office (B/SUK), Colonial Office (CO), Klang District Office (B/PDK), Ulu Selangor District Office (B/PDUS), Ulu Langat District Office (B/PDUL), Sepang District Office (B/PDS), National Archives of Malaysia Department (P/ANM), as well as secondary sources. Overall, the raja and *orang besar* as *penghulus* served an important role in unifying the local communities in Selangor, which consisted of the Malays, Chinese, Indians and aborigines within the administrative, social, economic and socio-economic aspects. This role was necessary as the local communities obeyed and followed the directions and advice of *penghulus*' in their respective *mukim* (parish). Therefore, the government were in need of responsible and authoritative *penghulus* to carry out their duties at a grass-roots or *mukim* level, in order to maintain harmony. This article identifies the *penghulus* as the Community Unity Leaders at the *Mukim*-level.

Keywords: Raja of Selangor, *Orang Besar* of Selangor, *Penghulu* institution, Administration of Selangor, Federated Malay States.

PENDAHULUAN

Institusi penghulu telah dibentuk dan diaplikasikan dalam pentadbiran Selangor sejak November 1766. Institusi ini kekal diteruskan walaupun British menguasai Selangor pada 2 Oktober 1874 berkuat kuasa 20 Januari 1895. Tujuan British mengekalkan institusi ini kerana memberi harapan kepada tokoh-tokoh yang memainkan peranan sebagai penghulu agar dapat memberi sumbangan dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi di Selangor. British bertindak sedemikian kerana mereka tidak mampu untuk menjayakan sesuatu perkara tanpa mendapatkan kerjasama daripada pemimpin tempatan. Oleh itu, British perlu mengekalkan institusi tersebut agar polisinya berjaya tanpa sebarang masalah.

Setelah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dibentuk pada 1 Julai 1895 berkuat kuasa 1 Julai 1896, institusi penghulu masih diteruskan dan menjadi lebih mantap serta efisien dari masa ke masa. Buktinya, kerajaan/negeri Selangor memperkenalkan Skim Penghulu pada 1922 dan 1935. British masih memerlukan perkhidmatan penghulu pada tempoh ini kerana ia merupakan tunjang utama bagi membangunkan Selangor khususnya peringkat mukim dari pelbagai aspek.

Bagi membangunkan Selangor pada tempoh dinyatakan, penghulu perlu memiliki komunikasi yang baik agar dapat menyampaikan dan memahamkan penduduk mukim ditetapkan. Oleh yang demikian, bagi mencapai hasrat itu, kerajaan menempatkan penghulu sebagai jawatan rasmi dalam pejabat daerah berkuat kuasa 2 September 1883 untuk membantu perkembangan dinyatakan dijalankan dengan efisien.

Penerbitan mengenai peranan penghulu di Selangor pada era kolonial British adalah terhad. Namun begitu, terdapat dua tokoh pengkaji sejarah bertaraf autoriti iaitu J. M. Gullick (1998, 2004 dan December 2007) dan Paul H. Kratoska (1984) membincangkan mengenai institusi penghulu

tetapi kurang mendalam menyebabkan perkara ini tidak diketahui dengan baik. Walaupun begitu, mereka membincangkan institusi penghulu dilaksanakan di Selangor dengan baik.

Oleh yang demikian, penjelasan yang mendalam boleh dilakukan kerana rekod-rekod primer yang boleh didapatkan di Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara United Kingdom mencatatkan peranan dimainkan oleh penghulu. Catatan-catatan mengenai jawatan ini banyak disimpan di arkib kerana penghulu merupakan tunjang utama dalam melakukan tugas dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi khususnya peringkat mukim lalu disalurkan ke daerah dan seterusnya, negeri.

Berdasarkan kenyataan tersebut, artikel ini bertujuan memperkenalkan satu idea baharu dengan menonjolkan institusi penghulu yang disandang oleh raja dan orang besar dalam memainkan salah satu peranan penting iaitu menyatupadukan masyarakat mukim di Selangor pada 1895-1942. Perkara ini perlu diketengahkan kerana penghulu sebagai ketua masyarakat dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan peranan tersebut dan masih diteruskan hingga kini (2018). Oleh itu, British amat memerlukan institusi penghulu dalam mengawal hubungan antara sesama manusia yang terdapat di Selangor agar sesebuah mukim itu aman damai dan dapat dimajukan tanpa sebarang masalah. Di samping itu, hasil ekonomi dapat ditingkatkan dari masa ke masa tanpa sebarang gangguan.

Berdasarkan permasalahan dikemukakan, artikel ini menyediakan persoalan kajian dan objektif kajian sebagai garis panduan bagi menjawab perkara tersebut. Berikutan itu, sebanyak tiga persoalan kajian diusulkan iaitu: siapakah golongan raja dan orang besar Selangor sebagai penghulu?; bagaimanakah perkembangan dan cara institusi penghulu memainkan tugas khususnya dalam menyatupadukan masyarakat tempatan di Selangor?; dan adakah peranan mereka memberi impak positif atau sebaliknya?

Sebanyak tiga objektif kajian pula dikemukakan. Artikel ini akan menganalisis isu yang membolehkan penghulu berperanan dalam menyatupadukan penduduk setempat terlebih dahulu. Kemudian, mensintesis peranan mereka. Seterusnya, menilai peranan dimainkan oleh mereka sama ada menyumbangkan impak positif atau sebaliknya

Artikel ini bersifat sejarah, berbentuk tematik dan menggunakan pendekatan kualitatif. Penggunaan sumber primer merupakan tunjang utama bagi menjawab perkara diutarakan. Sumber primer yang boleh didapatkan di Arkib Negara Malaysia adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (B/SUK), Pejabat Daerah Klang (B/PDK), Pejabat Daerah Ulu Selangor (B/PDUS), Pejabat Daerah Ulu Langat (B/PDUL), Pejabat Daerah Sepang (B/PDS), Jabatan Arkib Negara Malaysia (P/ANM) dan Arkib Negara United Kingdom pula seperti Colonial Office (CO) 275, CO 439 dan CO 717. Artikel ini penting diketengahkan kerana berdasarkan sumber-sumber primer yang dinyatakan di atas mencatatkan peranan raja dan orang besar sebagai penghulu pada era kolonial British. Pada masa sama, perihal ini kurang ditonjolkan dan diterbitkan sama ada dalam bentuk akademik atau sebaliknya. Oleh itu, artikel ini perlu dikaji dengan menggunakan sumber-sumber primer yang dianalisis, disintesis dan diinterpretasi agar dapat dijadikan sumber rujukan dalam dunia akademik atau sebaliknya.

RAJA DAN ORANG BESAR SELANGOR: SEPINTAS LALU

Gullick (1998, 2004 dan December 2007) kurang mengetengahkan perihal aristokrat Melayu Selangor sejak kesultanan Selangor dibentuk secara daulat pada November 1766. Walaupun begitu, sebanyak dua kategori aristokrat Melayu dapat dikemukakan dalam kesultanan Selangor (Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria 2013, 2016 dan 2018). Kategori pertama, raja Selangor. Kategori kedua, orang besar Selangor. Kedua-dua kategori ini menunjukkan keturunan mereka diiktiraf sebagai waris negeri Selangor walaupun diputerakan atau dilahirkan di luar Selangor.

Kedua-dua kategori ini dapat dibahagikan kepada empat pecahan iaitu: bersifat bilateral (nisab bapa dan ibu); bersifat patrilineal (nisab bapa); bersifat matrilineal (nisab ibu); serta mobiliti sosial menegak melalui perkahwinan dan menyandang jawatan orang besar Selangor merangkumi orang besar istana serta orang besar daerah. Antara keempat-empat pecahan ini, golongan raja dan orang besar daripada bilateral serta patrilineal berada di kedudukan tertinggi dalam kelas sosial tersebut. Kesultanan Selangor berpunca daripada bangsa Bugis dari kerajaan Luwu' di Sulawesi Selatan (Kern 1993, Mohd. Yusof 1984 dan Raja Ali 1998). Luwu' merupakan antara kerajaan tertua di Sulawesi Selatan. La Madusalat, moyang kepada Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak, Sultan Selangor pertama, 1766-1782, merupakan Sultan Luwu' pertama memeluk agama Islam sekitar abad ke-17. Oleh itu, berdasarkan keturunan ini, Raja Lumu merupakan golongan aristokrat Luwu'. Namun begitu, Raja Lumu telah diiktiraf sebagai aristokrat Johor berdasarkan kenaikan mobiliti sosial menegak ke atas ayahanda baginda, Daeng Chelak ibni Daeng Rilekkek yang menyandang jawatan orang besar Johor ke-2 tertinggi iaitu Yang di-Pertuan Muda pada 1728 hingga mangkat pada 1745.

Kemudian, baharulah, selepas Raja Lumu diiktirafkan sebagai Sultan Selangor pertama oleh Sultan Mahmud Shah ibni Sultan Muhammad Shah, Sultan Perak, 1765-1773, pada November 1766 menyebabkan status sosial baginda bertukar dari aristokrat Johor kepada aristokrat Selangor (Raja Chulan 1994). Pertukaran status sosial ini melayakkan Sultan Salehuddin dan keturunan baginda diiktirafkan sebagai aristokrat Selangor berkategori raja Selangor yang merupakan waris negeri Selangor yang sah serta berdaulat. Perubahan ini menyebabkan identiti bangsa Bugis boleh dihapuskan kerana Sultan Salehuddin telah membentuk satu personaliti baharu dalam alam Melayu iaitu bangsa Selangor selepas diiktiraf sebagai Sultan Selangor pertama pada November 1766. Walaupun begitu, penggunaan bangsa Bugis boleh diterima pakai sebagai peringatan kepada leluhur mereka sahaja.

Majoriti golongan raja dan orang besar Selangor dipilih dan dilantik sebagai penghulu di Selangor sejak era Sultan Salehuddin. Kemudian, golongan ini turut menjadi majoriti pada era kolonial British di Selangor khususnya pada tempoh kajian artikel ini iaitu 1895-1942. Antara keturunan Sultan Salehuddin menyandang jawatan penghulu dalam konteks artikel ini yang bersifat bilateral dan patrilineal adalah Raja Alang bin Raja Jalil, Penghulu Mukim Jeram, 1928-1932, Raja Ameran bin Raja Omar, Penghulu Mukim Batang Berjantai, 1929-1934, Raja Mokhtar bin Raja Haji Abdullah, Penghulu Mukim Sepang, 1937-1947, Raja Musa bin Raja Omar, Penghulu Mukim Klang, 1936-1941 dan Raja Doraman bin Raja Mohamed, Penghulu Mukim Kuala Lumpur merangkap Ketua Penghulu Daerah Kuala Lumpur, 1936-1939 (Ahmad Farhan 2012 dan 2015).

Golongan raja bersifat matrilineal pula adalah Raja Abas bin Raja Haji Mahmud, Penghulu Mukim Api-Api dan Ijok; 1915-1937, Raja Hussein bin Raja Abdul Manan, Penghulu Mukim Batu

Laut, 1899-1937, Raja Long bin Raja Syed, Penghulu Mukim Kelanang, 1918-1934, Syed Ahmad bin Syed Alwi, Penghulu Mukim Beranang, 1900-1931 dan Syed Hashim bin Syed Ajam, Penghulu Mukim Sungai Panjang, 1929-1936 (Ahmad Farhan 2013 dan 2015).

Perkara ini turut berlaku kepada tokoh-tokoh penyandang jawatan orang besar Selangor. Rata-rata tokoh penyandang jawatan orang besar Selangor berketurunan kesultanan Luwu' melainkan dua tokoh daripada jurai keturunan kesultanan Johor dan seorang daripada keturunan kesultanan Pagar Ruyung. Misalnya, daripada keturunan kesultanan Luwu', Sultan Salehuddin melantik Dato' Panapindang sebagai Dato' Penggawa Tua Mukim Permatang yang merupakan orang besar Selangor berkategori orang besar istana major ketika pentadbiran baginda.

Kesan pelantikan itu melayakkan Dato' Panapindang sebagai aristokrat Selangor berkategori orang besar Selangor. Oleh itu, Dato' Panapindang serta keturunannya layak diiktiraf sebagai aristokrat Selangor berkategori orang besar Selangor sekaligus merupakan waris negeri Selangor. Antara keturunannya dalam konteks artikel ini adalah Mohamed Ali bin Haji Jaffar, Penghulu Mukim Kuala Selangor, 1926-1934, berpunca daripada keturunan Dato' Panapindang.

Dua tokoh daripada jurai keturunan kesultanan Johor pula adalah tokoh penyandang jawatan orang besar Selangor dikenali sebagai Dato' Aru dan Dato' Ungku Mukim Petaling. Mereka adalah Dato' Akhir bin Megat Seri Rama merupakan Dato' Aru pertama manakala Dato' Naga Mengulur pula sebagai Dato' Ungku Mukim Petaling pertama ketika pentadbiran Sultan Salehuddin. Sementara itu, seorang tokoh daripada jurai kesultanan Pagar Ruyung iaitu daripada keturunan Bendahara pula bernama Dato' Adam dilantik oleh Sultan Salehuddin sebagai Dato' Kaya Mukim Aur pertama pada era yang sama.

Ketiga-tiga tokoh dinyatakan ini pada asalnya merupakan golongan daripada aristokrat Johor serta Pagar Ruyung yang kemudiannya mengalami perubahan status sosial berdasarkan mobiliti sosial menegak kepada aristokrat Selangor selepas dilantik oleh Sultan Salehuddin sebagai penyandang jawatan orang besar Selangor berkategori orang besar istana major (Ahmad Farhan 2013). Antara keturunan dinyatakan dalam konteks ini adalah Osman bin Talip, Penghulu Mukim Kalumpang, 1934-1947, daripada jurai Dato' Adam.

STRUKTUR INSTITUSI PENGHULU DI SELANGOR

Institusi penghulu di Selangor dibentuk secara rasmi pada November 1766 (CO 717/117(12) 15 April 1936). Kemudian, selepas British menguasai dan mentadbir Selangor, institusi penghulu diangkat sebagai jawatan rasmi dalam pejabat daerah berkuat kuasa 2 September 1883 (CO 275/29 1883). British berbuat demikian agar dapat memberi kuasa yang sah kepada institusi penghulu supaya dapat melaksanakan tugasannya berlandaskan undang-undang kerajaan/negeri Selangor. Pelantikan tokoh-tokoh sebagai penghulu pula akan dibincangkan serta diputuskan dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor pada 1877-1934 (Ahmad Farhan 2013 dan 2014) dan Jawatankuasa Tetap bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor pada 1934-1941 (Ahmad Farhan 2014).

Selepas keputusan diputuskan secara rasmi dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor atau Jawatankuasa Tetap bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, surat kuasa akan diserahkan kepada tokoh-tokoh yang dilantik sebagai penghulu di mukim ditetapkan dengan kadar segera. Oleh itu, institusi penghulu pada era 1895-1942 merupakan pekerjaan yang profesional.ⁱ Pandangan ini

dinyatakan kerana keputusan pelantikan melibatkan kelulusan daripada ahli-ahli mesyuarat dinyatakan sebelum ini terutamanya Sultan Selangor.

Walaupun begitu, berbalik pada era pentadbiran Sultan Salehuddin, baginda telah membentuk dua pendekatan pentadbiran iaitu istana dan kerajaan/negeri. Tujuan Sultan Salehuddin bertindak membentuk dua pendekatan tersebut supaya pentadbiran di Selangor bersifat efisien dan dapat melaksanakannya dengan baik serta berkesan. Impaknya, dua pendekatan pentadbiran ini masih kekal diteruskan oleh keturunan baginda hingga kini.

Bersangkutan dengan kenyataan di atas, institusi penghulu berada dalam pendekatan pentadbiran kerajaan/negeri. Jika diteliti dengan lebih mendalam, stratifikasi sosial paling tinggi dalam kesultanan Selangor adalah negeri merujuk kepada Sultan Selangor sebagai ketua negeri. Kedudukan ke-2 pula adalah daerah merujuk kepada orang besar daerah sebagai ketua daerah. Sementara itu, kedudukan ke-3 adalah mukim merujuk kepada penghulu sebagai ketua mukim. Kesemua stratifikasi sosial ini dibentuk secara rasmi setelah baginda sultan melantik dan menempatkan seseorang bagi mentadbir kawasan yang diperuntukkan.

Dalam pada itu, kampung berada di kedudukan ke-4 secara rasmi pada 5 Disember 1916 (P/ANM 1486/80(2987) 5 Disember 1916). Namun begitu, kedudukan kampung lebih tepat ditempatkan di bawah penyeliaan penghulu. Pandangan ini dinyatakan kerana pelantikan ketua kampung sepanjang 1916-1942 dipilih serta dilantik oleh penghulu setelah berbincang dan mendapat kata putus daripada penduduk kampung. Pada masa sama, surat kuasa diserahkan kepada tokoh-tokoh yang dilantik secara sah sebagai ketua kampung ditetapkan. Kedua-dua jawatan ini perlu bekerjasama antara satu sama lain agar sesebuah mukim dapat dibangunkan dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi.

Tahap perkembangan institusi penghulu ketika era Negeri-Negeri Melayu Bersekutu adalah penting dan memiliki sejarah tersendiri. Perubahan ini berlaku kerana kerajaan terutamanya Sultan Selangor berhasrat menjadikan institusi ini lebih efisien di samping dapat membantu membangunkan Selangor dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi khususnya peringkat mukim dari masa ke masa. Sehubungan itu, penghulu memainkan peranan di mukim ditetapkan yang terdapat dalam enam buah daerah di Selangor iaitu Kuala Lumpur, Klang, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Hulu Langat.

Perihal perkembangan institusi penghulu kurang dibincangkan oleh Gullick (1998) dan Kratoska (1984). Walaupun begitu, sebanyak sembilan tahap berlaku dalam institusi penghulu sepanjang 1895-1942. Tahap-tahap ini berlaku kerana baginda mahukan institusi penghulu berkembang dengan efisien dari masa ke masa. Tujuannya agar dapat menjalankan tanggungjawab sebagai ketua mukim ditetapkan dengan bertanggungjawab dan berwibawa. Pada masa sama, penduduk masyarakat dapat mengikut telunjuk dan nasihat penghulu yang diamanahkan oleh kerajaan dari masa ke masa.

Tahap pertama, hanya jawatan penghulu diaplikasikan pada 1874-1897. Pada tahap ini, tidak ramai tokoh layak dapat dilantik sebagai penghulu. Pandangan ini dikemukakan kerana tokoh-tokoh penghulu yang dipilih dan dilantik pada tahap ini berlandaskan pengaruh yang dimiliki oleh personaliti tersebut. Oleh itu, kerajaan/negeri Selangor masih belum berhasrat untuk mengembangkan jawatan-jawatan dalam institusi penghulu.

Tahap kedua, sebanyak dua jawatan diaplikasikan pada 1897-1899 iaitu penghulu berada di kedudukan pertama manakala penolong penghulu pula di kedudukan ke-2. Pada tahap ini, terdapat segelintir masyarakat tempatan yang layak dilantik sebagai penolong penghulu bagi

membantu penghulu di mukim ditetapkan. Oleh itu, kerajaan/negeri Selangor telah memberi peluang kepada mereka yang layak untuk menyanggah jawatan tersebut.

Tahap ketiga, sebanyak tiga jawatan diaplikasikan pada 1899-1913 iaitu: kedudukan pertama adalah ketua penghulu negeri; kedudukan ke-2 adalah penghulu; dan kedudukan terakhir adalah penolong penghulu. Pada tahap ini, Ketua Penghulu Negeri Selangor diperkenalkan oleh kerajaan/negeri Selangor kerana berhasrat menyeragamkan dan mengukuhkan institusi penghulu. Jawatan ini disandang oleh Raja Laut bin Sultan Muhammad, Raja Muda Selangor, 1899-1913. Beliau akan mengetuai, memantau dan mengawal hal ehwal institusi penghulu pada tempoh dinyatakan.

Tahap keempat, sebanyak dua jawatan diaplikasikan pada 1913-1916 iaitu kedudukan pertama adalah penghulu manakala penolong penghulu berada ditempat ke-2. Tahap ini sama seperti tahap kedua. Peringkat ini berlaku selepas kematian Raja Laut pada 1913. Oleh yang demikian, jawatan Ketua Penghulu Negeri Selangor dimansuhkan buat sementara waktu.

Tahap kelima, sebanyak tiga jawatan diaplikasikan pada 1916-1919 iaitu: kedudukan pertama adalah ketua penghulu daerah; kedudukan ke-2 adalah penghulu; dan kedudukan ke-3 adalah penolong penghulu. Pada tahap ini, kedudukan institusi penghulu di Selangor semakin kukuh. Buktinya, kerajaan/negeri Selangor telah memperkenalkan Ketua Penghulu Daerah Klang buat pertama kali pada 1916. Dengan itu, setiap penghulu dalam sesebuah mukim perlu mentaati segala arahan ketua penghulu daerah.

Tahap keenam, sebanyak empat jawatan diaplikasikan pada 1919-1926 iaitu: kedudukan pertama adalah ketua penghulu negeri; kedudukan ke-2 adalah ketua penghulu daerah; kedudukan ke-3 adalah penghulu; dan kedudukan ke-4 adalah penolong penghulu. Pada tahap ini, kedudukan institusi penghulu di Selangor semakin kukuh daripada sebelumnya. Hal ini berlaku kerana kerajaan/negeri Selangor telah membentuk kembali jawatan ketua penghulu negeri yang bertindak sebagai ketua kepada seluruh penghulu di Selangor pada 1919.

Jawatan Ketua Penghulu Negeri Selangor disandang oleh Dato' Abdul Razak bin Haji Abdul Ghani, Dato' Setia Diraja Selangor, 1913-1928, Ketua Penghulu Daerah Klang, 1916-1928 dan Ketua Penghulu Negeri Selangor, 1919-1928 (Ahmad Farhan 2012). Dengan terdapatnya jawatan tersebut, seluruh penghulu merangkumi ketua penghulu daerah, penghulu, penolong penghulu dan ketua kampung perlu mentaati segala arahan yang dikeluarkan oleh Dato' Abdul Razak berlandaskan polisi kerajaan/negeri Selangor.

Tahap ketujuh, sebanyak lima jawatan diaplikasikan pada 1926-1928 iaitu: kedudukan pertama adalah ketua penghulu negeri; kedudukan ke-2 adalah ketua penghulu daerah; kedudukan ke-3 adalah penghulu; kedudukan ke-4 adalah penolong penghulu; dan kedudukan ke-5 adalah penolong penghulu ke-2. Pada tahap ini, majoriti masyarakat tempatan merangkumi golongan raja, orang besar dan anak negeri berhasrat menjadi penghulu di Selangor.

Perkara ini berlaku kerana ketiga-tiga golongan dinyatakan mempunyai latar pendidikan yang baik daripada Sekolah Melayu dan Sekolah Inggeris.ⁱⁱ Pada masa sama, pada peringkat ini, golongan terpelajar lebih mudah mendapat peluang untuk dilantik sebagai penghulu berdasarkan Skim Penghulu yang diperkenalkan pada 1922. Oleh itu, kerajaan/negeri Selangor perlu meneliti dan menapis permohonan agar dapat memilih serta melantik tokoh yang terbaik pada ketika itu sebagai penghulu.

Tahap kelapan, sebanyak empat jawatan diaplikasikan pada 1928-1938 iaitu: kedudukan pertama adalah ketua penghulu daerah; kedudukan ke-2 adalah penghulu; kedudukan ke-3 adalah

penolong penghulu; dan kedudukan ke-4 adalah penolong penghulu ke-2. Pada tahap ini sama seperti sebelumnya. Walaupun begitu, pada tahap ini, jawatan ketua penghulu negeri dimansuhkan selepas kematian Dato' Abdul Razak pada 1928 dan Skim Penghulu baharu diperkenalkan pada 1935 bagi memudahkan masyarakat tempatan merangkumi golongan raja, orang besar dan anak negeri memohon untuk mendapat jawatan sebagai penghulu di Selangor. Selain itu, jawatan orang besar daerah telah diamanahkan sebagai ketua penghulu daerah pada 1928 kecuali daerah Hulu Langat yang memikul tanggungjawab ini pada 1931.

Tahap terakhir, sebanyak lima jawatan diaplikasikan pada 1938-1942 iaitu: kedudukan pertama adalah ketua penghulu daerah; kedudukan ke-2 adalah penghulu; kedudukan ke-3 adalah penolong penghulu; kedudukan ke-4 adalah penolong penghulu ke-2; dan kedudukan terakhir adalah penolong penghulu tambahan. Pada tahap ini, kedudukan institusi penghulu semakin kukuh daripada sebelumnya. Malahan, majoriti masyarakat tempatan merangkumi golongan raja, orang besar dan anak negeri yang mempunyai latar pendidikan yang baik berhasrat untuk memohon jawatan sebagai penghulu di Selangor.

Berdasarkan kesembilan-sembilan tahap dinyatakan ini, kerajaan/negeri Selangor amat mengambil berat terhadap institusi penghulu di Selangor. Hal ini disebabkan institusi penghulu merupakan tunjang belakang dalam memajukan dan membangunkan peringkat akar umbi iaitu mukim agar dapat disalurkan hasilnya ke peringkat daerah dan seterusnya, negeri. Oleh itu, kerajaan/negeri Selangor perlu memilih dan melantik tokoh-tokoh layak dilantik sebagai penghulu di Selangor agar dapat menjayakan hasrat tersebut. Walaupun begitu, pada tempoh 1895-1942, majoriti golongan raja dan orang besar Selangor dilantik sebagai penghulu kerana memiliki latar belakang dan pendidikan yang baik berbanding masyarakat tempatan lain.

PERANAN INSTITUSI PENGHULU DALAM MENYATUPADUKAN MASYARAKAT MUKIM

Tugasan penghulu dijelaskan dengan teliti dalam surat kuasa yang diserahkan kepada mereka setelah dilantik menyandang jawatan ini berkuat kuasa 2 September 1883. Berdasarkan surat kuasa itu, sebanyak lima peranan utama dapat disimpulkan. Peranan pertama, sebagai pelapor. Peranan kedua, sebagai pembangun. Peranan ketiga, sebagai penjaga hal ehwal kebajikan. Peranan keempat, sebagai ahli mesyuarat peringkat daerah dan mukim/kampung. Peranan kelima, sebagai wakil rasmi penduduk mukim dalam menghadiri adat istiadat kesultanan Selangor dan perasmian.

Oleh yang demikian, berdasarkan konteks artikel ini, tugas menyatupadukan masyarakat mukim dikategorikan dalam peranan ke-3 iaitu sebagai penjaga hal ehwal kebajikan. Sebanyak enam aspek dapat diusulkan bagi membentuk isu berkait rapat dengan penyatupaduan oleh penghulu terhadap penduduk mukim ditetapkan. Aspek pertama, pentadbiran. Aspek kedua, tanah. Aspek ketiga, pertanian. Aspek keempat, keagamaan. Aspek kelima, infrastruktur. Aspek keenam, kebersihan. Penghulu yang bertanggungjawab akan dapat melaksanakan peranannya dengan baik berdasarkan enam aspek diutarakan. Bagi menjayakan aspek-aspek tersebut, kerajaan perlu melantik seseorang layak sebagai penghulu agar menjalankan peranannya dengan bertanggungjawab.ⁱⁱⁱ

Aspek pertama, mengenai pentadbiran dapat dijelaskan melalui pelantikan ketua kampung yang dilaksanakan sejak 1916-1941. Penduduk kampung diberi kebebasan dalam memilih dan

melontarkan pandangan sama ada tokoh itu layak atau sebaliknya sebagai ketua kampung. Berikutan itu, penghulu perlu melaksanakan sistem undian untuk menyatupadukan penduduk kampung memilih ketua kampung agar tidak berlaku perselisihan faham kelak. Penduduk kampung perlu bersetuju terhadap keputusan tersebut kerana ia dilaksanakan berdasarkan undian majoriti. Selain itu, penduduk kampung perlu akur dengan keputusan itu lebih-lebih lagi setelah penghulu bersetuju terhadap pelantikan tersebut.

Contohnya, Raja Musa mengadakan sistem undian selepas penduduk Kampung Teluk Pulai, mukim Klang, daerah Klang, mengerjakan solat jumaat pada 21 Mac 1941. Seramai 80 orang lelaki Melayu Islam mengerjakan solat jumaat pada hari tersebut. Selepas menyelesaikan solat jumaat, baharulah, mereka mengundi tokoh layak sebagai Ketua Kampung Teluk Pulai. Raja Musa menggunakan kesempatan ini kerana majoriti masyarakat kampung terutama orang lelaki yang matang akan mengerjakan solat jumaat secara berjemaah. Oleh itu, sistem ini dapat dilakukan secara adil berdasarkan populasi yang ramai.

Dalam pengundian ini, Raja Musa dan penduduk Kampung Teluk Pulai mencalonkan seramai tiga orang tokoh untuk dipertandingkan iaitu Mohamed Hairullah bin Mohd. Sohaimi, Mohamed Haromain dan Mohamed bin Rasiman. Ketiga-tiga tokoh ini merupakan penduduk tetap kampung tersebut. Mereka melakukan perbincangan dan pengundian dengan baik tanpa sebarang persengketaan. Akhirnya, keputusan telah dicapai, seramai 68 orang memilih Mohamed Hairullah manakala 12 orang pula memilih Mohamed Haromain (B/PDK 49/41(4) 24 Mac 1941). Mohamed Hairullah mendapat undian yang tinggi kerana mempunyai perwatakan baik, disukai, disenangi serta dihormati oleh penduduk Kampung Teluk Pulai berbanding Mohamed Haromain dan Mohamed.

Setelah keputusan dibuat secara adil, Raja Musa memilih dan melantik Mohamed Hairullah sebagai Ketua Kampung Teluk Pulai secara rasmi berdasarkan keputusan undian majoriti daripada masyarakat Kampung Teluk Pulai. Seterusnya, Raja Musa melaporkan perkara itu kepada pejabat daerah untuk tindakan lanjut. Akhirnya, Mohamed Hairullah memainkan peranan sebagai Ketua Kampung Teluk Pulai dalam tempoh percubaan pada akhir Mac 1941.

Kemudian, baharulah, Mohamed Hairullah dilantik secara rasmi pada Disember 1941 selepas berjaya mengharungi tempoh percubaan selama hampir 9 bulan. Pada masa sama, pelantikan Mohamed Hairullah sebagai Ketua Kampung Teluk Pulai secara rasmi tidak menghadapi sebarang masalah kerana beliau amat disukai oleh penduduk kampung tersebut. Ini bermakna hasil penyatupaduan dalam undian majoriti memberikan kesan positif kepada penduduk Kampung Teluk Pulai yang berpendapat Mohamed Hairullah merupakan seorang tokoh layak dilantik sebagai ketua kampung.

Aspek kedua, mengenai tanah dapat dijelaskan melalui pencerobahan kawasan pemilik tanah oleh bukan pemilik tanah. Antara isu yang dilontarkan adalah bukan pemilik tanah menempatkan binatang ternakan mereka di kawasan pemilik tanah yang sah. Misalnya, beberapa orang Cina menempatkan binatang ternakannya iaitu babi di kawasan tanah milik Yaman bin Yuda, Doladi bin Keman dan Abdul Rani bin Husin di Bukit Bakong, mukim Sepang, daerah Kuala Langat, pada Jun 1941. Tindakan orang-orang Cina ini menyebabkan Yaman, Doladi dan Abdul Rani kurang berpuas hati. Ekoran itu, Yaman, Doladi dan Abdul Rani berjumpa dan menasihati orang-orang Cina ini secara baik supaya beredar daripada tanah mereka tetapi tidak diendahkan.

Bagi menjaga keharmonian dan tidak mahu bertelagah antara satu sama lain, mereka bersepakat bersetuju untuk melaporkan kepada Raja Mokhtar agar dapat menyelesaikan isu ini tanpa berlaku perselisihan faham. Mereka memilih Raja Mokhtar sebagai penyelesai masalah kerana masyarakat mukim akan mematuhi segala arahan dan tindakan penghulu lalu secara langsung dapat menyatupadukan antara masyarakat Melayu dengan Cina supaya tidak berselisih faham antara satu sama lain kelak. Sehubungan itu, Raja Mokhtar berjumpa dengan orang-orang Cina itu bagi mendapat keterangan sahih. Setelah ditemu bual dan disiasat, baharulah, Raja Mokhtar memanjangkan isu ini kepada Pejabat Daerah Kuala Langat untuk tindakan lanjut (B/PDS 475/35(11A) 6 Ogos 1941).

Hal ini menyebabkan notis saman dikeluarkan pada akhir Jun 1941 yang menegaskan orang-orang Cina dinyatakan perlu beredar daripada tanah milik Yaman, Doladi dan Abdul Rani sebelum 31 Julai 1941 (B/PDS 475/35(7) Jun 1941). Penghantaran notis saman menunjukkan orang-orang Cina itu bersalah dalam isu ini. Seterusnya, orang-orang Cina ini beredar daripada tanah milik Doladi dan Abdul Rani kecuali tanah milik Yaman kerana menghadapi masalah kewangan. Namun begitu, orang Cina itu beredar daripada tanah milik Yaman selepas masalahnya diselesaikan pada Disember 1941. Kesan daripada tindakan Raja Mokhtar ini berjaya mengelak daripada berlakunya ketegangan lebih teruk dan secara tidak langsung menyatupadukan antara masyarakat Melayu dengan Cina supaya tidak berselisih faham dengan ketara.

Aspek ketiga, mengenai pertanian dapat dijelaskan dalam mengusahakan padi, kopi dan pokok buah-buahan. Usaha ini boleh menyebabkan masyarakat mukim bersatu padu dalam meningkatkan hasil ekonomi Selangor dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, penghulu perlu memainkan peranan penting dalam menyatupadukan penduduk mukim agar mengusahakan pertanian di kawasan masing-masing bagi membantu meningkatkan hasil ekonomi Selangor pada era kolonial British. Oleh itu, penghulu perlu menyeru dan menasihati setiap penduduk mukim ditetapkan bagi menjayakan hasrat ini.

Antaranya, Raja Alang, Mohamed Ali, Raja Abas, Raja Ameran dan Syed Hashim berjaya meningkatkan hasil pertanian yang memuaskan di daerah Kuala Selangor pada 1931. Ini dapat dibuktikan melalui catatan A. T. Newbould, Pegawai Daerah Kuala Selangor, dalam laporan tahunan Kuala Selangor 1931 menyatakan pertanian padi diusahakan seluas 16,035 ekar, kopi seluas 666 ekar dan pokok buah-buahan serta tanaman umum seluas 381 ekar. Pertanian yang menggalakan ini berlaku kerana penghulu dinyatakan memainkan peranan penting bagi menyatupadukan masyarakat mukim berbilang kaum iaitu Melayu dan Cina dalam mengusahakan padi, kopi dan pokok buah-buahan bagi meningkat hasil ekonomi Selangor dari semasa ke semasa.

Usaha sama ini berjaya mengelakkan daripada berlakunya perselisihan faham antara satu sama lain dalam sesebuah mukim. Perselisihan faham dapat dielakkan kerana masyarakat tempatan mengusahakan pertanian di kawasan tanah masing-masing. Pada masa sama, seluruh penghulu dalam daerah Kuala Selangor akan bertindak sebagai pemantau dan penyelia kepada penduduk mukim ditetapkan. Dalam pada itu, masyarakat Melayu diberi kebenaran untuk mengusahakan pertanian di kawasan tanah rizab Melayu yang diaplikasikan dalam daerah Kuala Selangor. Oleh itu, kesan daripada tindakan penghulu tersebut berjaya meningkatkan hasil dapatan dari masa ke masa tanpa sebarang isu perkauman.

Aspek keempat, mengenai keagamaan dapat dijelaskan melalui pembinaan masjid. Antara isunya adalah kesukaran masyarakat mukim beragama Islam mengerjakan solat lima waktu, solat jumaat, solat hari raya aidil fitri dan solat hari raya aidil adha. Sekiranya sesebuah mukim itu tidak

mempunyai masjid, penduduk tersebut perlu mengerjakan solat dinyatakan di mukim berdekatan dengannya. Oleh itu, masyarakat mukim memerlukan sebuah masjid bagi memudahkan mereka mengerjakan solat dinyatakan sebelum ini. Rentetan itu, penghulu serta masyarakat mukim perlu bersepakat dan bersatu padu bagi melaksanakan hasrat itu.

Buktinya, Syed Ahmad berjaya menyatupadukan penduduk mukim Beranang, daerah Hulu Langat, supaya mengutip wang bagi membina masjid di mukim Beranang pada pertengahan 1903. Kesannya, seramai 253 orang berjaya disatukan dan bersepakat untuk membina masjid tersebut. Hasilnya, mereka berjaya mengutip wang sebanyak \$414.50 (B/PDUL 911/03 1903). Kemudian, Syed Ahmad dan penduduk mukim Beranang bersepakat supaya kerajaan membantu menambahkan kewangan bagi menjayakan pembinaan masjid itu. Berdasarkan keputusan tersebut, Syed Ahmad memanjangkan hal itu kepada kerajaan/negeri Selangor.

Setelah surat itu diterima oleh O. F. Stonor, Pegawai Daerah Hulu Langat, jawatan ini akan meneliti dan menyiasat sama ada masjid ini wajar dibina atau tidak. Akhirnya, kerajaan/negeri Selangor meluluskan wang tambahan sebanyak \$207.25 pada 19 Disember 1903 setelah meneliti bahawa penduduk tempatan bersungguh-sungguh mahukan sebuah masjid dibina di mukim Beranang. Seterusnya, pembinaan masjid itu dijalankan setelah sumber kewangan mencukupi. Akhirnya, masjid tersebut siap dibina pada 1904. Kesan daripada tindakan Syed Ahmad membolehkan masyarakat penduduk mukim Beranang dapat menunaikan solat lima waktu, solat jumaat, solat hari raya aidil fitri dan solat hari raya aidil adha tanpa sebarang masalah.

Aspek kelima, mengenai infrastruktur dapat dijelaskan melalui pembinaan jalan. Antara isu yang dilontarkan adalah kesukaran masyarakat mukim hendak menjalani kehidupan seharian mereka kerana kurang kemudahan jalan untuk pejalan kaki. Ini bermakna kemudahan jalan untuk pejalan kaki amat penting bagi masyarakat tempatan agar dapat menjalani kehidupan seharian masing-masing dengan baik pada era kolonial British.

Oleh itu, kerajaan/negeri perlu mengambil berat terhadap isu ini agar dapat memberi kemudahan kepada masyarakat tempatan di Selangor dari masa ke masa. Sehubungan itu, penghulu perlu menguruskan hal ini dengan baik. Jawatan ini perlu mendapatkan penyatuan daripada seluruh masyarakat mukim agar dapat membina jalan untuk pejalan kaki tanpa sebarang masalah.

Contohnya, masyarakat tempatan di Kampung Sungai Sabai, mukim Kalumpang, daerah Hulu Selangor, bersepakat dan bersatu padu berjumpa dengan Osman pada 1 April 1937 untuk menyelesaikan isu kemudahan jalan untuk pejalan kaki terhadap pelajar-pelajar ke Sekolah Kampung Sungai Sabai (B/PDUS 53/1937(21) 1 April 1937). Ibu bapa pelajar-pelajar Sekolah Kampung Sungai Sabai berbincang dan bersepakat supaya Osman dapat mengusulkan perkara ini kepada kerajaan. Mereka bertindak sedemikian kerana berhasrat anak masing-masing dapat pergi ke sekolah dengan selesa.

Isu ini dilontarkan kerana anak-anak mereka perlu melalui kawasan sawah padi terlebih dahulu sebelum sampai ke sekolah menyebabkan pakaian menjadi kotor dan tidak selesa dipakai ketika belajar. Hal ini menyebabkan ibu bapa tersebut kurang menyenangi isu itu. Akibatnya, ibu bapa pelajar-pelajar Kampung Sungai Sabai membuat memorandum dan diserahkan kepada Osman untuk tindakan lanjut. Oleh itu, peranan Osman diperlukan bagi melaporkan perkara ini kepada pihak kerajaan agar dapat menyelesaikan isu ini. Kemudian, isu dipanjangkan akan dibincang dan dinilai agar dapat diselesaikan kelak.

Setelah aduan diterima, kerajaan telah mengambil perhatian terhadap isu ini dan berusaha untuk menyediakan kemudahan infrastruktur terbaik kepada masyarakat Kampung Sungai Sabai. Kerajaan berbuat demikian kerana berhasrat hendak menjaga kebajikan dan kemudahan rakyat penduduk yang susah agar sentiasa menyokong kerajaan dari masa ke masa. Peranan Osman ini sangat penting kerana beliau mampu mengubah keputusan kerajaan daripada positif kepada negatif atau sebaliknya berdasarkan ketulusan permohonan daripada kesepakatan masyarakat Kampung Sungai Sabai. Kemudian, tindakan lanjut akan dilaksanakan sekiranya kerajaan memiliki wang peruntukan yang mencukupi pada tahun itu. Akhirnya, kemudahan infrastruktur ini siap dibina sekitar akhir 1937. Kesannya daripada tindakan Osman membolehkan pelajar-pelajar Sekolah Melayu Kampung Sungai Sabai dapat menghadiri kelas tanpa sebarang masalah. Hal ini menyebabkan ibu bapa pelajar tersebut berasa suka cita terhadap tindakan Osman dan kerajaan.

Aspek keenam, mengenai kebersihan dapat dijelaskan melalui pencemaran alam. Kekotoran dalam longkang merupakan isu utama sepanjang 1895-1942 kerana pembuangan sampah sering berlaku dan saluran yang kurang memuaskan menyebabkan ia tersumbat. Akibatnya, penyakit malaria boleh merebak ke kawasan mukim berdekatan dengan terdapatnya longkang yang kotor. Selain itu, banjir turut boleh berlaku akibat saluran dan longkang yang tersekat akibat timbunan sampah sarap yang berleluasa. Hal ini menyebabkan penghulu perlu menyatupadukan penduduk tempatan agar bersikap tidak membuang sampah merata-rata. Sekiranya penduduk tempatan tidak melakukan hal itu, pasti kawasan tersebut akan dapat menghindari daripada penyakit malaria dan banjir. Misalnya, penduduk mukim Kuala Lumpur, daerah Kuala Lumpur, bersatu padu mengusulkan isu kekotoran longkang itu kepada Raja Doraman pada Ogos 1937. Kekotoran ini berlaku kerana sampah sarap telah dibuang dalam longkang tersebut oleh masyarakat yang tidak bertanggungjawab. Tujuan penduduk mukim Kuala Lumpur berbuat demikian agar kerajaan dapat membersihkan serta membaiki longkang tersebut agar lebih baik daripada sebelumnya di samping dapat mencegah daripada berlakunya banjir dan penyakit malaria. Mereka mahukan kerajaan menyelesaikan masalah ini dengan kadar segera agar dapat menghindar perkara tidak diingini berlaku.

Penduduk mukim Kuala Lumpur mempercayai Raja Doraman dapat menyelesaikannya kerana beliau dapat mengusulkan isu itu kepada kerajaan. Dengan itu, isu tersebut dipanjangkan ke dalam Lembaga Penempatan Pertanian Melayu (*Malay Agricultural Settlement*) pada 18 Ogos 1937. Setelah berbincang antara satu sama lain, ahli Lembaga ini bersepakat bersetuju untuk melantik seorang mandor bagi memeriksa longkang di Jalan Hamzah dan Jalan Raja Uda bagi tindakan lanjut (B/SUK SEL: SEC: G. 810/1932 18 Ogos 1937).

Akhirnya, longkang-longkang di sekitar mukim Kuala Lumpur dapat dipantau dan dibersihkan agar tidak berlaku bencana alam seperti banjir dan penyakit malaria. Kesannya, penduduk mukim Kuala Lumpur berasa senang hati dengan peranan yang dilakukan oleh Raja Doraman. Malahan, Raja Doraman turut berasa senang hati kerana penduduk mukim Kuala Lumpur bersatu padu untuk menyelesaikan hal tersebut.

KESIMPULAN

Berdasarkan keenam-enam aspek diutarakan jelas membuktikan penghulu daripada kalangan aristokrat Selangor merangkumi raja dan orang besar berperanan penting dalam menyatupadukan

masyarakat mukim ditetapkan agar dapat menjalani kehidupan seharian dengan baik pada era kolonial British khususnya dari 1895-1942. Tanpa kerjasama dan penyatuan antara penghulu dengan masyarakat pasti menyukarkan untuk sesebuah mukim menjadi lebih baik dari semasa ke semasa. Oleh itu, peranan penghulu khususnya dalam menyatupadukan masyarakat penting kerana dapat membangunkan dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi sesebuah mukim dari semasa ke semasa tanpa berlakunya perselisihan faham yang ketara. Perkara ini yang dihasratkan oleh British agar masyarakat dalam sesebuah mukim disatukan melalui fungsi penghulu supaya Selangor dapat dibangunkan dari aspek dinyatakan. Berdasarkan hujah-hujah dinyatakan, artikel ini menempatkan penghulu sebagai Tokoh Penyatuan Masyarakat Peringkat Mukim dari masa ke masa. Pandangan ini dinyatakan kerana hanya penghulu boleh menyatupadukan masyarakat di mukim ditetapkan pada era kolonial British mahupun pada konteks kini.

NOTA HUJUNG

ⁱ Walaupun Izham Hakimi Hamdi, Jayum Jawan dan Dori Efendi membincangkan perihal profesionalisme dalam militari dan politik, namun, ia boleh dikaitkan dengan jawatan penghulu dalam konteks artikel ini. Pandangan ini dinyatakan kerana penghulu juga merupakan jawatan yang mengamalkan prinsip profesionalisme seperti yang dimaksudkan oleh Izham, Jayum dan Dori iaitu, 'Definisi profesi tersebut membawa beberapa unsur pengertian, iaitu pekerjaan yang dilakukan dalam waktu yang panjang; pekerjaan itu penting bagi kumpulan atau kesatuan; pekerjaan itu berguna bagi mencapai tujuan kemajuan; profesi merupakan sesebuah keahlian dan kemahiran yang melalui proses belajar untuk meningkatkan pengetahuan yang spesifik'. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Izham Hakimi Hamdi, Jayum Jawan dan Dori Efendi (2018).

ⁱⁱ Walaupun Aliyu Yunus, Mohd. Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak dan Maimun Aqsha Lubis bin Abdin Lubis memperihalkan mengenai pendidikan Islam di negara Nigeria, namun, ia boleh dikaitkan dengan artikel ini. Antaranya, berdasarkan pandangan Aliyu, Mohd. Isa, Khadijah dan Maimun, sekiranya ibu bapa memiliki ilmu pendidikan, pasti anak-anak mereka juga mendapatkan pendidikan. Pendapat ini tepat dan ia bersangkutan paut dengan konteks artikel ini kerana majoriti tokoh-tokoh berkhidmat sebagai penghulu memiliki ibu bapa yang mempunyai latar pendidikan yang baik. Misalnya, Raja Mokhtar bin Raja Haji Abdullah. Ayahnya, Raja Haji Abdullah, memiliki latar belakang pendidikan yang baik. Selain itu, menurut Fuzirah Hashim, Jamaluddin Aziz & Abdul Latiff Ahmad, pendidikan yang baik merupakan satu aset penting untuk memiliki minda yang kreatif dan inovatif. Pendapat ini juga tepat dan bersesuaian dengan konteks artikel ini. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Aliyu Yunus, Mohd. Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak, Maimun Aqsha Lubis bin Abdin Lubis (2018) serta Fuzirah Hashim, Jamaluddin Aziz & Abdul Latiff Ahmad (2017).

ⁱⁱⁱ Walaupun Wan Idros Wan Sulaiman, Nur Farhah Othman dan Maizatul Haizan Mahbob membincangkan mengenai hubungan pengkomunikasian budaya organisasi dengan prestasi kerja kakitangan pelaksana sektor awam, namun, hujah-hujah yang dinyatakan berkait rapat dengan tajuk artikel 'Peranan Raja dan Orang Besar sebagai Penghulu dalam Menyatupadukan Masyarakat Tempatan di Selangor, 1895-1942'. Kenyataan ini dinyatakan kerana penghulu juga berada dalam sesebuah organisasi iaitu pejabat daerah. Sehubungan itu, pejabat daerah memiliki organisasi tersendiri yang menempatkan pegawai daerah berada di kedudukan paling tinggi manakala penghulu pula berada di kedudukan paling bawah. Oleh itu, kenyataan Wan Idros, Nur Farhah dan Maizatul bahawa, 'Kejayaan dan kestabilan sesebuah organisasi adalah bergantung kepada amalan, tingkah laku dan corak pemikiran kakitangannya. Budaya organisasi adalah amalan terbaik dan terpuji yang merangkumi aspek pemikiran, pengurusan emosi dan dimanifestasikan melalui perlakuan, tindakan dan cara bekerja yang penuh integriti serta dapat memenuhi objektif organisasi' sangat bersesuaian dengan jawatan penghulu dalam konteks artikel ini. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Wan Idros Wan Sulaiman, Nur Farhah Othman & Maizatul Haizan Mahbob (2017).

RUJUKAN

- Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. 2012. Pentadbiran Mukim di Klang, 1874-1942: Tugas dan Penglibatan Penghulu. *Purba*, 31, 29-57.
- Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. 2013. Menyelusuri Jawatan Raja Bergelar dan Orang Besar Selangor dalam Pentadbiran Raja Selangor, 1766-1942. *Purba*, 32, 54-93.
- Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. 2013. Pentadbiran Mukim di Kuala Lumpur, 1874-1942: Penelitian Terhadap Penglibatan Penghulu dalam Pentadbiran Selangor. *Malaysia dari Segi Sejarah*, 41, 97-122.
- Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. Jun 2013. Penglibatan Sultan Abdul Samad dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, 1877-1898: Suara dan Kerajaan. *Sarjana*, 28(1), 51-75.
- Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. 2014. Tokoh Melayu dalam Mesyuarat Peringkat Persekutuan dan Negeri di Selangor, 1877-1941. *Malaysia dari Segi Sejarah*, 42, 17-37.
- Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. 2015. Pentadbiran Mukim di Sungai Langat, 1874-1942: Tugas dan Penglibatan Penghulu. *Seri Alam*, 12, 37-81.
- Aliyu Yunus, Mohd. Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak, Maimun Aqsha bin Abidin Lubis. 2018. Students' Perceptions on Parental Background and Their Academic Performance in Islamic Studies in Nigeria. *e-Bangi*, 13(1), 1-14.
- Fuzirah Hashim, Jamaluddin Aziz & Abdul Latiff Ahmad. 2017. Transformation in Malaysian Higher Education: Students' Understanding of Creativity in Social Sciences. *e-Bangi*, 12(3), 1-13.
- Gullick, J. M. (1998). *A History of Selangor 1766-1939*. Kuala Lumpur: Falcon Press.
- Gullick, J. M. 2004. The Malay Community of Kuala Langat in the Late Nineteenth Century. *Journal of the Royal Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 77(2), 1-25.
- Gullick, J. M. December 2007. A Short History of Ulu Langat to 1900. *Journal of the Royal Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 80(2), 1-18.
- Izham Hakimi Hamdi, Jayum Jawan, Dori Efendi. 2018. Profesionalisme Militari dan Politik: Suatu Analisis Konseptual. *e-Bangi*, 13(1), 1-14.
- Kern, R. A. (1993). *I La Galigo*. Jakarta: Gadjah Mada University Press.
- Jabatan Arkib Negara Malaysia (P/ANM).
- Kratoska, P. H. 1984. Penghulu in Perak and Selangor: The Rationalization and Decline of a Traditional Malay Office. *Journal of the Royal Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 57(2), 31-59.
- Mohd. Yusof Md. Nor (Diusahakan). (1984). *Salasilah Melayu dan Bugis*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Pejabat Daerah Klang (B/PDK).
- Pejabat Daerah Sepang (B/PDS).
- Pejabat Daerah Ulu Langat (B/PDUL).
- Pejabat Daerah Ulu Selangor (B/PDUS).
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (B/SUK).
- Raja Ali Haji. (1998). *Tuhfat al-Nafis*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Chulan Raja Abdul Hamid. (1994). *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.
- Wan Idros Wan Sulaiman, Nur Farhah Othman & Maizatul Haizan Mahbob. 2017.

Hubungan Pengkomunikasian Budaya Organisasi dengan Prestasi Kerja Kakitangan Pelaksana Sektor Awam. *e-Bangi*, 12(3), 1-18.

Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
afaz@siswa.ukm.edu.my

Dr. Mohd Samsudin
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
moss@ukm.edu.my